



MAIMUNAH memeriksa perbarisan pada Sambutan Hari Penguatkuasa ke-55 di Menara Jabatan Penguatkuasa DBKL, semalam. - Gambar NSTP/AHMAD UKASYAH

## HARI PENGUATKUASA KE-55

# Perkukuh integriti

Oleh Mohammad Khairil Ashraf  
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan meningkatkan pemantauan dalam dan melaksanakan latihan intensif mengenai kepentingan integriti sebagai langkah memerangi rasuah.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, beliau memberi jaminan bahawa usaha itu adalah sebahagian daripada

komitmen pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Menurutnya, ia bagi memastikan setiap anggota penguat kuasa memiliki pengetahuan dan kesedaran mendalam mengenai bahaya amalan rasuah serta cara untuk mengelak dan melaporkan perbuatan.

“Saya mengingatkan semua warga penguat kuasa bahawa rasuah adalah musuh negara. Ia bukan sahaja mencemarkan nama baik individu yang terlibat,

tapi juga menjasakan imej jabatan secara keseluruhan.

“Rasuah melemahkan keberkesanan sistem penguatkuasaan, menjasakan keadilan dan meruntuhkan kepercayaan awam. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memerangi amalan ini dengan sepenuh hati,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa Sambutan Hari Penguatkuasa ke-55 di Menara Ja-

“**Patuhi kod etika ditetapkan dan sentiasa mengekalkan sikap telus**  
**Maimunah**

batan Penguatkuasa DBKL, Bandar Tun Razak, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Maimunah menggesa setiap anggota penguat kuasa DBKL untuk memperkuukuh integriti dan akauntabiliti dalam setiap tindakan diambil.

“Saya menggesa semua anggota penguat kuasa untuk mematuhi kod etika yang ditetapkan dan sentiasa mengekalkan sikap telus dalam aspek pelaksanaan tugas.

“Kita perlu memastikan setiap keputusan yang diambil berdasarkan prinsip keadilan, tanpa sebarang unsur berat sebelah atau pengaruh luar,” katanya.